

TINGKATAN 3 (BAB 6) : PERUBAHAN PENTADBIRAN KE ARAH BERKERAJAAN SENDIRI DI SABAH DAN SARAWAK

PMR 1996

Soalan 42 berdasarkan senarai di bawah.

- Parti Perikatan Sabah
- Parti Perikatan Sarawak

42 Berdasarkan senarai di atas, apakah persamaan perjuangan kedua-dua parti di atas?

- A Menyokong perjuangan Parti Rakyat Brunei
- B Menentang pembentukan Persekutuan Borneo Utara
- C Menyokong idea gagasan Malaysia
- D Membantah syor Suruhanjaya Cobbold

(JAWAPAN C: NOTA 8b+4c)

Soalan 43 berdasarkan peristiwa di bawah.

Tahun	Peristiwa
1956	Majlis Mesyuarat Negeri ditubuhkan
1956	Parti Rakyat Bersatu Sarawak ditubuhkan
1956	Pilihan raya pertama Majlis Perbandaran Kuching
1957	Majlis Tempatan ditubuhkan

- 43 Peristiwa di atas merujuk kepada
- A peringkat pembentukan perlembagaan negeri Sarawak
 - B peringkat pemilihan wakil rakyat di Sarawak
 - C peringkat ke arah berkerajaan sendiri di Sarawak
 - D peringkat penubuhan parti politik di Sarawak

(JAWAPAN C: NOTA 7b)

38 Apakah tujuan penubuhan Majlis Tempatan yang pertama di Sabah dan di Sarawak?

- I Untuk memulakan penglibatan orang tempatan dalam pentadbiran
 - II Untuk memupuk semangat kebangsaan di kalangan rakyat
 - III Untuk mengukuhkan sistem pemerintahan tradisional
 - IV Untuk mengendalikan pelajaran rendah
- A I dan II C III dan IV
B II dan III D I dan IV

(JAWAPAN A: NOTA 7b)

57 Antara berikut parti politik yang manakah bergabung untuk membentuk Parti Perikatan Sarawak pada tahun 1963?

- I Barisan Rakyat Jati Sarawak (BERJASA)
 - II Parti Negara Sarawak (PANAS)
 - III Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP)
 - IV Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP)
- A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D II, III dan IV

(JAWAPAN A: NOTA 8a)

42 Pada tahun 1963, pilihan raya bagi majlis daerah telah diadakan di seluruh Sarawak.

Apakah isi utama yang dibangkitkan oleh penduduk tempatan semasa kempen pilihan raya tersebut?

- A Keganasan komunis
- B Gagasan Malaysia
- C Campur tangan Indonesia
- D Kemerdekaan Sarawak

(JAWAPAN B: NOTA 4b)

PMR 1997

Soalan 41 berdasarkan senarai di bawah.

- United National Kadazan Organization (UNKO)
- United Sabah National Organization (USNO)
- Persatuan China Sabah (PCS)
- Pasok Momogun

- 41 Senarai di atas adalah parti-parti politik yang muncul di Sabah hasil daripada
- A pengumuman gagasan pembentukan Malaysia
 - B penyerahan Sabah kepada kerajaan British
 - C penentangan terhadap gerakan komunis
 - D pengaruh kegiatan politik Indonesia

(JAWAPAN A: NOTA 4b)

PMR 1998

Soalan 44 berdasarkan maklumat di bawah.

Bantahan
menentang
penyerahan

Pekeliling No. 9, 1946

- 44 Berdasarkan maklumat di atas, apakah kesan Pekeliling tersebut kepada penentang anti penyerahan?
- I 338 orang kakitangan kerajaan meletak jawatan
 - II Kebencian penentang terhadap penjajah meningkat
 - III Ramai pemimpin gerakan melarikan diri
 - IV Lebih banyak kumpulan anti penyerahan ditubuhkan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

(JAWAPAN A: NOTA 7a i+iii)

PMR 1999

Soalan 56 berdasarkan petikan di bawah.

"Kelulusan usul untuk menyerahkan Sarawak kepada British tidak diterima oleh kebanyakan penduduk Sarawak."

Sejarah Malaysia

- 56 Mengapakah penduduk Sarawak menentang penyerahan tersebut?
- I Meningkatkan jumlah kemasukan kaum imigran
 - II Melengahkan tuntutan untuk mendapatkan kemerdekaan
 - III Mendapatkan tandatangan pembesar secara muslihat
 - IV Bertentangan dengan Perlembagaan 1941
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

(JAWAPAN D: NOTA 5c i+ii+iv)

PMR 2000

- 36 Bagaimanakah British melemahkan kegiatan politik penduduk Sabah pada tahun 1951?
- A Mengharamkan kegiatan politik
 - B Melucutkan jawatan pemimpin politik
 - C Menukarkan pemimpin ke wilayah lain
 - D Menganakan tindakan perintah berkurang

(JAWAPAN A: NOTA 4a)

- 37 Mengapakah penduduk Sarawak mengadakan tunjuk perasaan pada 1 Julai 1947?
- A Menentang pembubaran Rukun Tiga Belas
 - B Membantah penyerahan Sarawak kepada British
 - C Membantah penghukuman ke atas Roslie Dhobie
 - D Menuntut perletakan jawatan kakitangan kerajaan

(JAWAPAN B: NOTA 6b)

Seperti 2000 no 36

PMR 2001

- 43 Pertubuhan yang bercorak sosiopolitik di Sabah hanya aktif sehingga menjelang tahun 1951.

Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya keadaan tersebut?

- A Perubahan pucuk pimpinan
- B Perubahan dasar perjuangan
- C Sekatan kegiatan politik bumiputera
- D Sokongan penduduk tempatan kurang

(JAWAPAN C: NOTA 4a)

Seperti 1998 no 44

Soalan 44 berdasarkan maklumat di bawah.

Pada bulan Disember, 1946, British telah memperkenalkan surat Pekeliling No. 9 di Sarawak.

- 44 Apakah kesan daripada surat pekeling tersebut?
- A Pembentukan Persatuan Melayu Sarawak
 - B Penubuhan Pergerakan Pemuda Melayu
 - C Perletakan jawatan kakitangan kerajaan
 - D Pemuluan perlantikan Gabenor

(JAWAPAN C: NOTA 7a)

Seperti 2000 no 37

PMR 2002

Soalan 40 berdasarkan maklumat di bawah.

- Mengadakan tunjuk perasaan
- Menghantar surat bantahan dan telegram
- 338 orang kakitangan kerajaan meletakkan jawatan

- 40 Maklumat di atas berkaitan dengan
- A penentangan terhadap pembentukan Jajahan British Borneo
 - B penentangan terhadap penyerahan Sarawak kepada British
 - C penentangan terhadap Pentadbiran Tentera British
 - D penentangan terhadap penubuhan Malaysia

(JAWAPAN B: NOTA 6b)

- 42 Mengapakah pada tahun 1947 Gerakan Antipenyerahan di Sarawak gagal?
- A British mengharamkan kegiatan politik
 - B Pemimpin tidak berpendidikan tinggi
 - C Penentangan tidak menyeluruh
 - D Ketiadaan sumber kewangan

Soalan 43 berdasarkan jadual di bawah.

Tahun	Parti
April 1961	Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP)
Disember 1961	Parti Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO)

- 43 Apakah persamaan antara kedua-dua parti politik di atas?
- I Menyokong gagasan Malaysia
 - II Memperjuangkan bahasa ibunda
 - III Menyatupadukan rakyat berbilang kaum
 - IV Memperjuangkan hak dan kepentingan masing-masing
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

(JAWAPAN D: NOTA 8a)

Seperti 1999 no 56

PMR 2004

Soalan 43 berdasarkan senarai di bawah.

- Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak
- Persatuan Dayak Sarawak
- Barisan Pemuda Sarawak

- 43 Mengapakah pertubuhan di atas menentang penyerahan Sarawak kepada British?
- I Mengekalkan pemerintahan Jepun
 - II Usaha mendapatkan kemerdekaan semakin sukar
 - III Membuat keputusan sendiri tanpa berunding
 - IV Menghapuskan pentadbiran Raja Berperlembagaan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 5c i+iii)

PMR 2005

Tahun	Peristiwa
1946	British menguasai Sabah dan Sarawak sebagai Tanah Jajahan Mahkota.

52 Mengapakah kerajaan British mengambil tindakan di atas?

- A Memenuhi permintaan rakyat
- B Menjaga kepentingan ekonomi
- C Membendung ancaman komunis
- D Menyeragamkan sistem pentadbiran

(JAWAPAN B: NOTA 1)

Tokoh
<ul style="list-style-type: none"> • Morshidi Sidek • Awang Rambli • Bujang Suntong

53 Apakah sumbangan penting tokoh-tokoh di atas dalam sejarah negeri Sarawak?

- A Menganggotai Majlis Tertinggi
- B Menggubal Perlembagaan 1941
- C Menuntut diadakan pilihan raya
- D Memimpin gerakan antipenyERAHAN

(JAWAPAN D: NOTA 7d i+iii)

Parti Politik di Sabah
<ul style="list-style-type: none"> • Parti Bersatu • Parti Demokratik

54 Mengapakah parti-parti di atas tidak menyokong pembentukan Persekutuan Malaysia pada peringkat awal cadangannya?

- A Bimbang bantahan Indonesia
- B Khuatir akan neokolonialisme
- C Ingin menuntut kemerdekaan terlebih dahulu
- D Mahu menganggotai kerajaan Kalimantan Utara

Seperti 1997 no 41

<ul style="list-style-type: none"> • Persatuan Cina Sabah (SCA) • Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) • Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO)
--

55 Kemunculan parti-parti di atas berkait rapat dengan peristiwa

- A penubuhan Suruhanjaya Cobbold
- B penyerahan Sabah kepada British
- C pembentukan Persekutuan Malaysia
- D pelaksanaan Pilihan Raya Majlis Daerah

(JAWAPAN C: NOTA 4b+8ab)

PMR 2006


- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Ajibah Abol • Lily Eberwein • Dayang Fauziah |
|--|

52 Senarai di atas merupakan tokoh yang berjasa kepada negeri Sarawak.

Apakah persamaan tokoh tersebut?

- A Menentang dakyah komunis
- B Menuntut pendidikan percuma
- C Menyokong pembentukan Malaysia
- D Membantu gerakan antipenyERAHAN

(JAWAPAN D: NOTA 6c)



54 Garis masa di atas menunjukkan usaha ke arah berkerajaan sendiri di Sabah.

Apakah tujuan usaha tersebut?

- A Melaksanakan pilihan raya
- B Memupuk perpaduan kaum
- C Melatih pemimpin tempatan
- D Mengelakkan penubuhan parti politik

(JAWAPAN C: NOTA 3a)

Tarikh	Peristiwa
1 Julai 1946	Sarawak diisytiharkan Jajahan Mahkota British

55 Jadual di atas menerangkan peristiwa penyerahan Sarawak sebagai tanah jajahan British.

Apakah reaksi rakyat Sarawak terhadap peristiwa tersebut?

- I Berkabung
- II Berdemonstrasi

- III Mengadakan perhimpunan
- IV Menghantar surat bantahan
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(JAWAPAN D: NOTA 6ab)

Tahun	1949
Tempat	Sibu
Peristiwa	Pembunuhan Sir Duncan Stewart, Gabenor Sarawak kedua

- 56 Jadual di atas menunjukkan peristiwa kemuncak gerakan antipenyerahan di Sarawak.

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- I Darurat diisytiharkan
- II Kakitangan kerajaan dipecat
- III Rosli Dhobi dihukum gantung
- IV Anggota Rukun Tiga Belas dipenjara
- A I dan III
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 7d iii)

Faktor penyerahan Sarawak kepada kerajaan British pada 1 Julai 1946

Ketiadaan waris
Masalah kewangan
X

- 57 Berdasarkan rajah di atas, apakah X?
- A Mengukuhkan pertahanan
 - B Melindungi kepentingan pelabur
 - C Membendung ancaman komunis
 - D Menyeragamkan pentadbiran

(JAWAPAN B: NOTA 1c iv)

"Kami Membantah dengan Sekeras-kerasnya Atas Tindakan Brooke Menyerahkan Sarawak kepada Kolonial Inggeris".

"Sarawak Adalah Hak Kami, Leburkan Koloni."

- 55 Kata-kata di atas terkandung pada poster gerakan antipenyerahan di Sarawak.

Apakah tindakan British untuk menggagalkan gerakan tersebut?

- A Mengadakan rundingan damai
- B Memindahkan pemimpin
- C Memperkuat pasukan keselamatan
- D Memberi amaran kepada kakitangan kerajaan

(JAWAPAN D: NOTA 7a)

Seperti 2006 no 54

Pada tahun 1950, wakil-wakil anak negeri dilantik secara tidak rasmi dalam Majlis Undangan di Sabah.

- 56 Pernyataan di atas menunjukkan usaha ke arah berkerajaan sendiri.

Mengapakah British bertindak demikian?

- A Mewujudkan pemerintahan demokrasi
- B Memberi latihan kepimpinan
- C Melahirkan kerjasama antara kaum
- D Menjimatkan perbelanjaan pentadbiran

(JAWAPAN B: NOTA 3a)

Seperti 1996 no 42

Tahun	Parti
1961	Parti Perikatan Sabah
1962	Parti Perikatan Sarawak

- 57 Jadual di atas berkaitan dengan pembentukan Parti Perikatan di Sabah dan Sarawak.

Apakah persamaan parti tersebut?

PMR 2007

- I Memenangi pilihan raya
- II Menyokong gagasan Malaysia
- III Menerima keahlian semua kaum
- IV Menubuhkan Suruhanjaya Cobbold
- A I, II dan III C I, III dan IV
- B I, II dan IV D II, III dan IV

(JAWAPAN A: NOTA 4c+8b)

- Barisan Pemuda Sarawak
- Persatuan Dayak Sarawak
- Barisan Pemuda Melayu Sibiu

58 Senarai di atas adalah antara pertubuhan yang bergiat aktif di Sarawak pada tahun 1940-an.

Apakah matlamat pertubuhan tersebut?

- A Membanteras ancaman komunis
- B Menyatupadukan kaum
- C Menuntut pilihan raya
- D Menentang penjajah

(JAWAPAN D: NOTA 5b)

55 Mengapakah Pentadbiran Tentera British diperkenalkan di Sarawak pada tahun 1945?

- A Memulihkan ekonomi
- B Menjimatkan perbelanjaan
- C Menyediakan kemerdekaan
- D Mengatasi kekurangan pegawai

(JAWAPAN A: NOTA 1)

56 Maklumat berikut menunjukkan tindakan kerajaan British di Sarawak pada tahun 1947.

- Mengeluarkan Pekeliling No. 9
- Menubuhkan *Young Malay Association*

Mengapakah tindakan tersebut diambil?

- A Meningkatkan perpaduan rakyat
- B Menyekat peluasan kuasa asing
- C Memantapkan kuasa pemerintah
- D Melatih penduduk tempatan mentadbir

Seperti 2006 no 52

PMR 2010

54 Senarai berikut adalah tokoh wanita yang telah berjasa kepada negeri Sarawak.

- Lily Eberwein
- Dayang Fauziah
- Ajibah Abol

Apakah jasa mereka?

- A Membantu Gerakan Anti Penyerahan
- B Berjuang menuntut pendidikan percuma
- C Membantu membendung pengaruh komunis
- D Berkhidmat sebagai anggota Majlis Tertinggi

(JAWAPAN A: NOTA 6c)

PMR 2008

54 Kata-kata berikut ditulis pada sepanduk di Sarawak padatahun 1946.

*"Sarawak Adalah Hak Kami,
Leburkan Koloni"*

Apakah peristiwa yang dikaitkan dengan kata-kata tersebut?

- A Konfrantasi Indonesia
- B Pembentukan Malaysia
- C Gerakan Anti Penyerahan
- D Penubuhan kerajaan Kalimantan Utara

(JAWAPAN C: NOTA 5a)

Seperti 2005 no 53

56 Mengapakah tokoh berikut menjadi sanjungan negara kita?

- Rosli Dhobi
- Awang Rambli
- Morshidi Sidek

- A Mempertahankan kedaulatan negeri
- B Memajukan pendidikan rakyat
- C Menyatukan pelbagai kaum
- D Menubuhkan parti politik

(JAWAPAN A: NOTA 7d iii)

PMR 2009

55 Senarai berikut adalah parti politik di Sabah dan Sarawak.

- Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA)
- Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO)


Apakah matlamat perjuangan parti tersebut?

- A Mewajibkan pendidikan peringkat rendah
- B Menyeragamkan sistem pentadbiran
- C Menuntut kerakyatan secara jus soli
- D Mempertahankan hak istimewa peribumi

(JAWAPAN D: NOTA 8a)

Seperti 2006 no 57

56 Rajah berikut menunjukkan faktor penyerahan Sarawak oleh pentadbiran Brooke kepada British?




Apakah X?

- A Menjamin keselamatan negeri
- B Menangani kebangkitan rakyat
- C Menghadapi masalah kewangan
- D Mengeksploitasi bahan mentah

(JAWAPAN C: NOTA 1c iii)

56 Rajah berikut menunjukkan faktor penyerahan Sabah kepada British.



Apakah X?

- A Mengeksploitasi hasil negeri
- B Memajukan infrastruktur
- C Melindungi hak peribumi
- D Memperkenalkan pelabuhan bebas

(JAWAPAN A: NOTA 1b ii)

PMR 2011

55 British menggalakkan penubuhan *Young Malay Association* (YMA) di Sarawak.

Mengapakah British berbuat demikian?

- A Menggalakkan kegiatan politik
- B Menyatukan penduduk tempatan
- C Melemahkan Gerakan Antipenyerahan
- D Menggagalkan penubuhan Malaysia

(JAWAPAN C: NOTA 7b)